

PM minta rakyat kaji punca prasangka

kaum

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat supaya mengkaji punca-punca prasangka kaum yang masih wujud di negara ini.

Menurut beliau, rakyat perlu mengkaji gejala itu dan mencari jalan mengatasinya supaya usaha-usaha mewujudkan satu bangsa Malaysia yang taat setia kepada negara serta mempunyai masa depan yang sama dapat dicapai.

"Adakah kita memandang serong terhadap seseorang kerana kaumnya? Jika ya, apakah yang harus kita buat untuk mengelakkan daripada 'racial bias' ini terutama kepada anak-anak kita yang terpisah kerana persekolahan yang berlainan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir semasa berucap merasmikan pameran dan penyampaian hadiah pertandingan fotografi muhibah di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau menambah, satu penilaian harus dijalankan supaya semua pihak dapat mewujudkan semangat perpaduan di dalam masyarakat serta jauh daripada perasaan syak wasangka dan prejudis di antara satu sama lain.

"Tiap-tiap kaum mempunyai nilai-nilai dan ciri-ciri ke-

budayaannya yang tersendiri dan langkah yang harus dijalankan sekarang ialah dengan memahami cara hidup kaum-kaum ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri, antara cabaran utama negara di masa hadapan ialah mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatu padu serta harmoni. Sehubungan dengan itu, katanya, Dasar Pembangunan Nasional seperti juga Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk mengurangkan perbezaan taraf hidup antara kaum.

Beliau berharap pihak swasta turut mengadakan lebih banyak program yang boleh meningkatkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia.

Menurutnya, keadaan hidup masyarakat di negara ini telah banyak berubah daripada keadaan dua dekad yang lepas hasil kerjasama rakyat yang tidak mengira kaum dengan menunjukkan ciri-ciri muhibah, persefahaman dan bertolak-ansur.

Semasa bercakap kepada para pemberita selepas majlis itu, Perdana Menteri menjelaskan, pelbagai usaha lagi perlu dilakukan untuk meningkatkan perpaduan walaupun banyak kemajuan dicapai sejak 20 tahun lepas.

"Masih banyak yang kita kena buat, mungkin oleh ge-

nerasi akan datang.

"Proses integrasi, proses perpaduan mengambil masa dan kita harus bersabar. Akan ada dalam mana-mana masyarakat puak ekstremis yang tidak boleh terima apa juga yang kita buat untuk semua kaum," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, pada umumnya, dunia telah mengiktiraf bahawa Malaysia telah berjaya mewujudkan keharmonian kaum yang lebih ketara daripada negara lain termasuk negara maju walaupun ia mempunyai rakyat pelbagai kaum.

Menyentuh tentang pertandingan fotografi muhibah yang berakhir hari ini, katanya, pertandingan seumpama itu merupakan antara usaha yang boleh merapatkan hubungan antara kaum serta masyarakat antarabangsa.

Selain dari tarikan kepada para pelancong, kata beliau, pertandingan ini memberi gambaran jelas mengenai masyarakat majmuk negara ini.

"Fotografi boleh dijadikan satu medium yang berkesan bagi rakyat Malaysia memupuk persefahaman dan menjalin hubungan yang lebih erat kerana ia melampaui batas-batas kaum, ideologi dan agama," tambah Perdana Menteri.